

TEKS PERUBATAN TRADISIONAL MINANGKABAU DALAM NASKHAH-NASKHAH KARYA ULAMA TEMPATAN: SENARAI NASKHAH DAN ANALISIS *ETHNOMEDICINE*

Dr. Pramono

Pensyarah di Jurusan Sastra Minangkabau
Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas
Sumatera Barat – Indonesia 25163
Email: pramono.fsua@gmail.com

Abstrak

Berbeza dengan kitab tib dalam khazanah naskhah-naskhah Melayu pada amnya, pengetahuan perubatan tradisional masyarakat Minangkabau tidak ditemukan utuh dalam satu naskhah. Biasanya, teks perubatan tradisional tersebut terdapat dalam naskhah-naskhah yang di dalamnya juga terkandung teks-teks lain, seperti teks keagamaan, kesejarahan, kesusasteraan, kebahasaan, dan lain-lain. Naskhah-naskhah ini ditulis sebahagian besar oleh ulama Minangkabau yang saat ini tersimpan di surau-surau yang terdapat di berbagai tempat di Sumatera Barat.

Masyarakat Minangkabau tradisional memiliki konsep tentang sehat dan sakit yang bermuara pada “raso”, rasa. Jika apa yang diinginkan tidak sesuai dengan kenyataan akan menimbulkan “rasa sakit”. Badan terasa tidak segar, perut terasa tidak enak, rumah terasa tidak nyaman, lapau yang tidak kunjung mendatangkan keuntungan, semuanya merupakan kondisi yang menyebabkan “rasa” sakit”. Oleh kerana itu, “rasa” sakit itu harus dicarikan ubat agar “apa yang diinginkan sesuai dengan kenyataan”.

Pada masyarakat Minangkabau tradisional, sakit adakalanya dipercayai disebabkan oleh makhluk gaib (jin, setan, dan lainnya). Dengan demikian, pengubatan yang dilakukan dengan cara memberi mantera ramuan ubat yang diberikan kepada orang yang sakit dengan bantuan ‘orang pintar’ atau bomoh. Praktik memberi mantera pada ramuan ini disebut dengan *tawa*. Dalam konteks ini, dalam masyarakat Minangkabau dikenal dengan ungkapan: *manto istilah dukun, doa bahaso urang siak* ‘mantera istilah dukun, doa bahasa alim ulama’.

Teks dan konteks perubatan tradisional Minangkabau tersebut akan dibincangkan dalam tulisan ini. Pada tahap awal, akan disenaraikan naskhah-naskhah karya ulama Minangkabau yang di dalamnya terkandung teks perubatan tradisional. Tahap selanjutnya, akan dijelaskan dinamika pengubatan tradisional masyarakat Minangkabau dengan pendekatan *ethnomedicine*.

Kata kunci: teks, konteks, perubatan tradisional, Minangkabau, ulama, naskhah.

Pendahuluan

Setakat ini telah tercatat dan dikenal pasti seribuan naskhah Minangkabau yang masih terdapat di Sumatera Barat, sama ada yang sudah tersimpan pada lembaga rasmi mahupun yang masih tersebar di tangan masyarakat sebagai koleksi peribadi. Beberapa sarjana yang melaporkan khazanah naskhah Minangkabau tersebut seperti M. Yusuf [penyunting] (2006); Ahmad Taufik Hidayat (2009); Ahmad Taufik Hidayat, *et al.* (2011); Oman Fathurahman (2005, 2008); Zuriati (2008); Pramono (2008a, 2008b, 2009a, 2009b, 2011, dan 2015); Pramono dan Bahren (2009); Katkova dan Pramono (2009, 2011).

Sebahagian besar naskhah tersebut merupakan koleksi surau-surau tarekat yang tersebar di berbagai tempat di Sumatera Barat (salah satunya lihat pada Gambar 1). Konsep surau dalam kebudayaan Minangkabau berbeza dengan masjid. Surau secara sosial-budaya Minangkabau memiliki fungsi melampaui masjid. Surau merupakan institusi tempatan yang digunakan tidak hanya urusan keagamaan, tetapi juga segala sesuatu yang berhubung kait dengan urusan sosial dan budaya. Surau merupakan lembaga peribumi yang menjadi pusat pengajaran Islam dan menjadi titik tolak penyebaran Islam di Minangkabau (Azyumardi Azra, 2003: 7-16).



Gambar 1. (a) Bangunan Surau Calau tampak dari atas; (b) Sebahagian naskhah koleksi Surau Calau

Dari jenis kandungan isi, kebanyakan naskhah tersebut memuat teks keislaman, kemudian berturut-turut dengan jumlah yang lebih sedikit iaitu naskhah-naskhah jenis warkah, adat dan undang-undang Minangkabau, kesusasteraan, perubatan tradisional, mantera dan azimat. Jika teks keislaman diminati oleh banyak sarjana untuk bahan kajian, maka teks perubatan tradisional masih kurang mendapat perhatian. Berbeza dengan naskhah-naskhah Melayu pada amnya, setakat ini belum ditemukan teks perubatan tradisional Minangkabau yang tertulis utuh dalam satu naskhah. Biasanya, teks perubatan tradisional tersebut terdapat dalam naskhah-naskhah yang di dalamnya juga terkandung teks-teks lain, seperti teks keagamaan, kesejarahan, kesusasteraan, kebahasaan, dan lain-lain.

Berangkat daripada fenomena itu, makalah ini dimaksudkan untuk menyenaraikan naskhah-naskhah Minangkabau karya ulama tempatan yang di dalamnya terkandung teks perubatan tradisional. Selain itu, dalam makalah ini juga dijelaskan konteks kebudayaan teks perubatan tradisional tersebut dengan pendekatan *ethnomedicine*.

Perubatan Tradisional dalam Naskhah-Naskhah Minangkabau

Naskhah-naskhah koleksi surau-surau tarekat di Sumatera Barat boleh diteroka melalui salasilah guru-berguru dalam satu tarekat. Masing-masing surau tarekat juga memiliki beragam corak yang khas dan perbezaan kualiti naskhah yang dimiliki. Semua bergantung pada kadar intelektual seorang syeikh yang pernah memimpin suatu surau. Semakin tinggi ilmu keagamaan seorang syeikh, maka semakin banyak pula naskhah yang ditinggalkan. Mudah ditafsirkan, jika seorang syeikh terkenal akan keilmuan agamanya, maka akan ramai orang yang datang ke surau yang dipimpinnya untuk belajar. Semakin banyak orang yang belajar, maka semakin banyak pula kitab yang diperlukan dan banyak pula proses penulisan dan penyalinan naskhah; baik yang dilakukan oleh para murid maupun syeikh yang mengajar.

Berikut ini, pada Jadual 1 dapat dilihat senarai surau-surau Tarekat Syattariyah di Sumatera Barat yang memiliki koleksi naskhah.

Jadual 1. Surau-Surau Tarekat Syattariyah di Sumatera Barat yang Memiliki Koleksi Naskhah

No.	Nama Surau	Jumlah Naskhah	Lokasi
1.	Surau Nurul Huda	25	Batang Kabung, Tabing, Padang; Buya Imam Maulana Abdul Manaf (w. 2006).
2.	Surau Paseban	23	Di Ikua Koto, Koto Tengah, Padang; Syeikh Paseban (w. 1937).
3.	Surau Gadang Ampalu	22	Nagari VII Koto, Kecamatan Sungai Sarik, Kabupaten Padang Pariaman; Syeikh Tuanku Khali.
4.	Surau Ampalu Tinggi	25	Ampalu Tinggi, Kecamatan VII Koto, Kabupaten Padang Pariaman; Syeikh Haji Ibrahim.
5.	Surau Gadang Tandikek	7	Nagari Tandikek, Kecamatan Patamuan, Kabupaten Padang Pariaman; Syeikh Madinah.
6.	Surau Lubuk Ipuh	82	Kuraitaji, Kabupaten Padang Pariaman; Syeikh Lubuk Ipuh.
7.	Surau Bintungan Tinggi	36	Kuraitaji, Kabupaten Padang Pariaman; Syeikh Bintungan Tinggi.
8.	Surau Tuo Syeikh Imam Pasang	5	Dusun Pasar Ampalam, Jorong Kamumuan, Nagari Kuranji Hilir, Sungai Limau, Padang Pariaman; Syeikh Imam Pasang.

9.	Surau Syekh Mato Aia	17	Jorong Sarang Gagak, Nagari Pakandangan, Padang Pariaman; Syekh Mato Aia.
10.	Surau Tanjung Medan	21	Tanjung Medan, Padang Pariaman; Syekh Burhanuddin.
11.	Surau Lintang	26	Jorong Koto Padang, Nagari Sialang Gaung, Dharmasraya.
12.	Surau Parak Pisang	22	Jalan Lintas Sumatera-Jawa, Nagari Sumani, X Koto Singkarak, Solok; Syekh Jamaluddin.
13.	Surau Parak Laweh	33	Nagari Pariangan, Kabupaten Tanah Datar.
14.	Surau Tanjung Limau Sundai	23	Nagari Ampek Koto Hilia, Batang Kapeh, Pesisir Selatan.
15.	Surau-surau di Malalo	79	Nagari Malalo, Kecamatan Batipuh Selatan, Kabupaten Tanah Datar.
16.	Surau Darussalam	5	Nagari Batagak, Sungai Puar, Kabupaten Agam.
17.	Surau Koto Tuo	12	Koto Tuo, Kabupaten Agam; Syekh Aluma Koto Tuo.
18.	Surau Syek Yasin	20	Tanjung Ampalu, Koto VII, Kabupaten Sijunjung; Syekh Yasin.
19.	Surau Calau	99	Jorong Subarang Sukam, Nagari Muaro, Sijunjung; Syekh Abdul Wahab atau Syekh Calau.

Sumber: Pramono (2008a, 2008b, 2009a, 2009b, dan 2011), Zuriati (2008), dan Yusuf [Peny.] (2006).

Adapun persebaran naskhah yang tersimpan di surau-surau Tarekat Naqshabandiyah di Sumatera Barat dapat dilihat pada Jadual 2 berikut ini.

Jadual 2. Surau-Surau Tarekat Naqshabandiyah di Sumatera Barat yang Memiliki Koleksi Naskhah

No.	Nama Surau	Jumlah Naskhah	Lokasi
1.	Surau Simpang	7	Jorong Ampek Surau, Nagari Matua Hilie, Kecamatan Matur, Kabupaten Agam.
2.	Surau Tuo Taram	7	Jorong Cubadak, Nagari Taram, Kecamatan Harau, Kabupaten Limapuluh Kota; Syekh Ibrahim Mufti atau Beliau Taram.
3.	Surau Tarekat Naqsyabandsiyah	10	Batu Bजारang, Muara Labuh, Kabupaten Solok Selatan
4.	Surau Suluk	9	Nagari Katinggian, Kab. Limapuluh Kota; Dt. Mali Putih Alam.
5.	Surau Syekh Abdurrahman	11	Akabiluru, Kabupaten Limapuluh Kota; Syekh Abdurrahman.
6.	Surau al-Amin	3	Nagari Kinali, Pasaman Barat.
7.	Surau Lubuk Landur	101	Lubuk Landur, Kabupaten Pasaman Barat; Syekh

			Muhammad Bashir.
8.	Surau [sekarang masjid] Syeikh Said Bonjol	16	Bonjol, Kabupaten Pasaman; Syeikh Said Bonjol.
9.	Surau Tinggi	3	Nagari Kumpulan, Kabupaten Pasaman; Syeikh Maulana Syeikh Ibrahim Khalidi.
10.	Surau Lamo Tuanku Mudiak Tampang	32	Mudiak Tampang, Rao, Kabupaten Pasaman; Syeikh Mudiak Tampang.
11.	Surau Ongga	5	Padang Besi, Padang; H. Ismail Rahmat.

Sumber: Pramono (2008a, 2008b, 2009a, 2009b, dan 2011), Yusuf [Penyunting] (2006), dan Hidayat, dkk. (2011).

Secara umum, naskah-naskah koleksi surau-surau tarekat tersebut boleh dibagi menjadi tiga kumpulan. Pertama, naskah-naskah “import”, yaitu naskah-naskah yang berasal dari luar wilayah Minangkabau. Bahkan, ia sangat mungkin berasal dari luar wilayah Nusantara. Dari segi fizikal, naskah-naskah yang ditulis dengan aksara Arab dan berbahasa Arab ini terlihat lebih kemas. Baris demi baris ayat yang ada pada setiap halaman terlihat tertata rapi dan jumlah baris setiap halaman sangat konsisten. Tulisan yang terdapat di dalam naskah-naskah jenis ini pun tampak sangat rapi, indah, menggunakan tinta hitam yang “nipis”, menggunakan tinta merah sebagai rubrikasi, dan dijilid rapi dengan menggunakan kulit binatang sebagai sampul luar. Naskah-naskah yang dapat dimasukkan ke dalam kategori ini, biasanya, memuat teks al-Quran, teks tafsir al-Quran dalam bahasa Arab, teks-teks yang berasal dari kitab fiqah, kitab tauhid, doa-doa, zikir, teks-teks tasawuf, dan teks-teks yang berkenaan dengan nahu. Biasanya, naskah-naskah kategori ini tidak memuat banyak teks pada setiap naskah. Marginalia yang ada di dalam naskah pada umumnya ditulis dengan rapi sebagai syarah.

Kedua, naskah-naskah “tempatan”, iaitu naskah-naskah yang sangat mungkin ditulis atau disalin oleh ulama yang berasal dari wilayah Minangkabau, atau sekurang-kurangnya dari wilayah Nusantara. Biasanya, naskah ini ditulis dengan kurang kemas. Tulisan dengan menggunakan tinta hitam terlihat lebih tebal dan tidak seindah tulisan yang terdapat pada naskah-naskah “import”. Jumlah baris yang terdapat pada setiap muka surat, biasanya sangat bervariasi. Pada umumnya, naskah-naskah jenis ini tidak terdapat rubrikasi. Naskah-naskah ini juga memuat banyak marginalia daripada guru atau pembacanya. Di dalam setiap naskah, biasanya, terdapat banyak teks. Aksara yang digunakan di dalam naskah-naskah “tempatan” ini adalah aksara Arab dan aksara Arab-Melayu (Jawi). Bahasa yang digunakan adalah bahasa Arab dan disertai bahasa Melayu sebagai terjemahan. Kadangkala, naskah-naskah ini menggunakan bahasa Melayu, bahasa Melayu-Minangkabau, dan disertai oleh bahasa Arab sebagai dasar rujukan. Beberapa naskah juga memuat teks yang lebih tepat jika dibaca dengan menggunakan bahasa Minangkabau. Pada umumnya, naskah jenis ini berisi risalah tauhid, risalah fiqah,

nukilan kitab tauhid, kitab fiqah, penjelasan yang berkenaan dengan persoalan tauhid, fiqah dan tasawuf, doa-doa, penjelasan tentang tata bahasa Arab, hikayat, syair, perubatan tradisional, azimat, catatan tentang ulama tertentu, dan cacatan ulama tertentu tentang dirinya dan tentang peristiwa-peristiwa tertentu.

Ketiga, naskhah-naskhah tempatan merupakan karya yang disalin atau ditulis oleh syeikh di surau tempat ditemukannya naskhah-naskhah itu. Berangkali, ia juga merupakan karya yang disalin atau ditulis oleh syeikh surau tersebut sewaktu belajar di surau lainnya. Boleh jadi, ia merupakan naskhah yang ditulis atau disalin oleh syeikh yang berasal dari surau lain di Minangkabau. Atau, bahkan, ia berasal dari syeikh, guru tarekat, atau ulama lain dari luar wilayah Minangkabau.

Naskhah-naskhah yang mengandungi teks perubatan tradisional terdapat pada naskhah-naskhah kumpulan kedua dan ketiga. Naskhah-naskhah perubatan ini ditulis dengan aksara Jawi dan Arab (berbahasa Melayu-Minangkabau dan Arab). Adapun persebaran naskhah-naskhah perubatan tersebut dapat dilihat pada Jadual 3 berikut ini.

Jadual 3. Naskhah-naskhah Minangkabau yang mengandungi teks perubatan tradisional

Kandungan Naskhah	Koleksi	Aksara dan Bahasa
Zikir, mantera, azimat, dan perubatan	Surau Simpang	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Doa dan perubatan	Surau Simpang	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Doa, zikir, dan perubatan	Surau Simpang	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tambo dan perubatan	Surau Simpang	Jawi; Melayu-Minangkabau
Nazam dan perubatan	Surau Parak Laweh	Jawi; Melayu-Minangkabau
Nazam, mantera, perubatan	Surau Parak Laweh	Jawi; Melayu-Minangkabau
Tasawuf, mantera, perubatan	Surau Parak Laweh	Jawi; Melayu-Minangkabau
Doa, mantera, perubatan dll.	Surau Parak Laweh	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf, mantera, perubatan dll.	Surau Parak Laweh	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah, mantera, perubatan dll.	Surau Parak Laweh	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf dan perubatan	Surau Parak Laweh	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
<i>Asrar al-Shalat</i> , mantera, perubatan dll.	Surau-surau di Malalo	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah, azimat, perubatan dll.	Surau-surau di Malalo	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf, mantera, perubatan dll.	Surau-surau di Malalo	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Doa, zikir, dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab

Doa, azimat, dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah, rajah, perubatan dll.	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf, mantera, perubatan dll.	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Doa, mantera, perubatan dll.	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Doa dan perubatan	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Tasawuf, azimat, perubatan dll.	Surau Calau	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah, perubatan, tasawuf	Surau Parak Pisang	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab
Fiqah dan perubatan	Surau Parak Pisang	Jawi dan Arab; Melayu-Minangkabau dan Arab

Biasanya, teks perubatan tradisional dalam naskhah-naskhah tersebut tidak terpisahkan dengan teks azimat dan mantera. Hal ini kerana kedua teks terakhir ini kebanyakan juga digunakan untuk pengubatan. Mantera atau disebut dengan *manto* dalam bahasa Minangkabau misalnya, sampai hari ini masih dikenal luas di tengah masyarakatnya. Kata *manto* mengacu pada dua pengertian, yang pertama kata *manto* mengacu pada bahan ramuan yang digunakan untuk mengubati seseorang, seperti dedaunan, air, akar-akaran dan lain-lain. Pengertian kedua, kata *manto* mengacu pada sesuatu yang dibacakan oleh seseorang (bomoh) (Usman, 2002: 394).


Secara am, teks perubatan tradisional Minangkabau yang terkandung di dalam naskhah boleh dibagi ke dalam tiga kumpulan. Pertama, pengubatan dengan ramuan sahaja; kedua, pengubatan dengan mantera dan atau doa sahaja; ketiga, pengubatan dengan ramuan dan mantera; dan keempat, pengubatan dengan menggunakan azimat.

Ada beberapa jenis atau ramuan ubat yang selalu disebut dan digunakan sebagai ramuan untuk pengubatan yang ditemukan dalam naskhah-naskhah perubatan tradisional Minangkabau, iaitu *sitawa*, *sidingin*, *cikumpai*, *cikarau*, bawang putih, bawang merah, kunyit, jahe dan limau kapas. Pengubatan yang menggunakan ramuan sahaja biasanya untuk mengubati penyakit biasa, seperti sakit demam, sakit perut, sesak nafas, ambien dan lain-lain. Sayangnya, untuk jenis pengubatan dengan menggunakan ramuan ubat sahaja sangat sedikit ditemukan dalam naskhah-naskhah Minangkabau.

Teks pengubatan yang hanya menggunakan mantera dan doa sahaja merupakan teks yang paling banyak dijumpai dalam naskhah-naskhah Minangkabau yang mengandungi teks perubatan tradisional. Fakta ini menjadi penting kemudian untuk dijelaskan konteks budaya dari teks tersebut, utamanya dengan perspektif *ethnomedicine*. Pengubatan jenis ini menganggap bahawa suatu penyakit tidak hanya disebabkan faktor fizikal sahaja, tetapi juga disebabkan kerana pengaruh ghaib.

Adapun penggunaan azimat sebagai pengobatan yang ditemukan dalam naskah-naskah Minangkabau sangat beragam, sama ada penyakit tubuh manusia mahupun lingkungan alam sekitar (rumah, padi, lepu dan lain-lain). Penting dikemukakan di sini bahawa suatu azimat untuk tujuan pengobatan penyakit tertentu ditemukan sama bentuknya dalam beberapa naskah yang memuatnya. Maksudnya, ada acuan yang sama untuk pembuatan azimat. Adapun perbezaan yang muncul hanya pada jenis tulisan dan kehalusan penyalinnya.

Praktik pengobatan dengan menggunakan azimat sampai sekarang masih banyak dipraktikkan oleh masyarakat tradisional Minangkabau. Banyak surau-sarau tarekat yang para syekh masih diminati untuk membuat azimat. Dengan demikian, pengobatan jenis ini juga penting untuk dijelaskan konteks budayanya.



Gambar 2. Salah satu muka surat naskah perubatan tradisional Minangkabau (naskah koleksi Surau Calau)

Perubatan Tradisional Minangkabau dalam Perspektif *Ethnomedicine*

Dalam perspektif *ethnomedicine*, penyebab seseorang menjadi sakit dapat disebabkan oleh faktor personalistik (makhluk halus) dan faktor naturalistik (fizikal). Sakit atau penyakit yang disebabkan oleh faktor personalistik akan berbeza pengobatannya dengan yang disebabkan oleh faktor naturalistik. Jika yang pertama diubati dengan kekuatan ghaib (mantera, doa atau gabungan mantera dan ramuan), maka yang kedua, pengobatannya akan menggunakan ramuan dari bahan-bahan tumbuhan (*herbal medicine*) dan haiwan (*animal medicine*) atau gabungan keduanya (Foster dan Anderson, 1986:63-64).

Dengan pendekatan *ethnomedicine* juga, peneliti akan terbantu untuk mengetahui sifat dari sistem-sistem pengobatan tradisional Minangkabau dan khususnya konsep-konsep tentang sebab-akibat penyakit yang mendasarinya. Secara lebih jauh, melalui pendekatan ini akan dapat memaknai aspek kosmologi masyarakat Minangkabau tradisional yang berkaitan dengan sakit dan pengobatannya. Salah satu ontologi yang dapat dimaknai untuk menjelaskan aspek kosmologi tersebut adalah melalui teks pengobatan tradisional yang terkandung dalam naskhah-naskhah penelitian.

Dalam masyarakat tradisional di Indonesia, misalnya, pengetahuan tempatan terkait pengobatan tradisional kebanyakan terakam dalam ingatan lisan masyarakatnya. Dalam konteks ini, salah satunya pernah dikumpulkan dan dikaji oleh Limananti dan Atik Triratnawati (2002). Kajiannya menghasilkan tentang ramuan penambah nafsu makan pengaruh faktor kepercayaan akan khasiat jamu. Namun demikian, pengetahuan masyarakat tempatan tentang pengobatan tradisional juga tersedia atau terakam dalam bentuk tertulis, yakni dalam naskhah-naskhah kuno seperti dalam naskhah-naskhah penelitian yang diteliti ini. Kajian terhadap rakaman tertulis tentang pengetahuan pengobatan tradisional di antaranya seperti yang dilakukan oleh Nawangningrum, *et al.* (2004) dan Andri (2012).

Teks pengobatan tradisional yang ditemukan dalam naskhah-naskhah Minangkabau, memiliki karakteristik yang unik. Keunikannya tampak pada banyaknya ditemukan mantera, doa dan azimat yang digunakan untuk pengobatan. Selain itu, teks pengobatan tidak hanya untuk pengobatan tubuh yang sakit sahaja, tetapi pengobatan lingkungan (bagian di luar tubuh manusia) yang sakit juga ada. Hal ini, misalnya banyak ditemukan teks-teks pengobatan tradisional untuk *paureh* (ubat) rumah, *paureh* lepau, padi dan *paureh* ternak. Teks-teks pengobatan seperti ini kehadirannya selalu dalam huraian teks pengobatan untuk ubat demam, ubat sakit perut dan ubat-ubat yang lain untuk penyakit tubuh (fizik) manusia.

Dapat dimaknai bahawa masyarakat Minangkabau secara tradisional memiliki konsep tentang sihat dan sakit yang bermuara pada “raso”, rasa. Jika apa yang diinginkan tidak sesuai dengan kenyataan akan menimbulkan “rasa sakit”. Badan dirasa tidak segar, perut terasa tidak enak, rumah terasa tidak nyaman, lepau yang tidak kunjung mendatangkan untung, semuanya merupakan kondisi yang menyebabkan “rasa” sakit. Oleh kerana itu, “rasa” sakit itu harus dicarikan ubatnya agar “apa yang diinginkan menjadi kenyataan”.

Pada masyarakat Minangkabau tradisional sakit ada kalanya dipercayai disebabkan oleh makhluk ghaib (jin, setan, dan lainnya). Dengan demikian, pengobatannya dilakukan dengan cara memanterai ramuan ubat yang diberikan kepada orang yang sakit dengan bantuan ‘orang pintar’ atau dukun. Praktik memberi mantera pada ramuan ini disebut dengan

tawa. Penyakit yang disebabkan oleh faktor personalistik mahupun naturalistik dan pengobatannya ditemukan dalam naskhah-naskhah Minangkabau yang mengandung teks pengobatan tradisional. Pengobatan secara tradisional tersebut masih dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Minangkabau secara tradisional.

Dalam praktiknya, pengobatan yang dilakukan oleh seorang buya dan atau syekh menggunakan sistem pengobatan dengan ramuan sahaja, pengobatan dengan mantera dan atau doa sahaja, pengobatan dengan ramuan dan mantera dan pengobatan dengan menggunakan azimat. Penggunaan masing-masing sistem pengobatan tersebut disesuaikan dengan jenis penyakit yang dikeluhkan oleh orang yang datang. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa peran buya dan atau syekh tarekat tidak hanya pada persoalan keagamaan sahaja, tetapi juga pada persoalan kesihatan dan perubatan.

Penutup

Teks pengobatan tradisional yang terkandung di dalam naskhah-naskhah Minangkabau merupakan khazanah budaya yang penting, sama ada secara akademik mahupun sosial budaya. Secara akademik, melalui teks-teks itu dapat diungkap nilai-nilai yang relevan dengan kehidupan sekarang. Secara sosial budaya, naskhah-naskhah yang mengandung teks mantera itu merupakan identiti, kebanggaan dan warisan yang berharga. Ia merupakan hasil kegiatan intelektual dalam masyarakat tradisional (*local genius*).

Teks pengobatan tradisional Minangkabau yang ditemukan di dalam naskhah boleh dibagi menjadi empat kumpulan, yakni pengobatan dengan ramuan sahaja, pengobatan dengan mantera dan atau doa sahaja, pengobatan dengan ramuan dan mantera dan pengobatan dengan menggunakan azimat. Berbeza dengan jenis pengobatan ketiga dan keempat, jenis pengobatan yang pertama sangat sedikit ditemukan di dalam naskhah-naskhah penelitian.

Dalam perspektif *ethnomedicine*, dengan banyak ditemukannya jenis pengobatan yang menggunakan mantera dan azimat dapat dimaknai bahawa dalam kosmologi masyarakat tradisional Minangkabau memaknai sakit lebih banyak yang disebabkan oleh faktor personalistik. Oleh kerana itu, pengobatan untuk penyakitnya, selain menggunakan ramuan ubat juga harus menggunakan kekuatan ghaib.

DAFTAR PUSTAKA

- Ahmad Taufik Hidayat. 2009. "Respon Lembaga Islam Tradisional Terhadap Perubahan Sosial 1921-1950, Studi Atas Manuskrip Kuno di Surau Paseban." Jakarta: Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah.
- Ahmad Taufik Hidayat, et al. 2011. *Katalog Nashah Pasaman: Surau Lubuk Landur dan Mesjid Syeikh Bonjol*. Jakarta: PT. Tinta Mas bekerja sama dengan Komunitas Suluah (Suaka Luhung Naskhah).
- Azyumardi Azra. 2003. *Surau: Pendidikan Islam Tradisional dalam Transisi dan Modernisasi*, (Penterjemah Iding Rasyidin). Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Foster, George M dan Anderson. 1986. *Antropologi Kesehatan*. Terjemahan. Jakarta: UI Press.
- Katkova, Irina & Pramono. 2009. "Endangered Manuscripts of Western Sumatra: Collections of Sufi Brotherhoods". (Laporan Penelitian pada Programme Endangered, British Library, London).
- Katkova, Irina & Pramono. 2009. *Sufi Saint of Sumatra: Awliya' Sumatra*. SPb : Academy of Culture's Research.
- Katkova, Irina & Pramono. 2011. "Endangered manuscripts of Western Sumatra and the province of Jambi. Collections of Sufi brotherhoods". (Laporan Penelitian pada Programme Endangered, British Library, London).
- Katkova, Irina & Pramono. 2011. "Endangered manuscripts of Western Sumatra and the province of Jambi. Collections of Sufi brotherhoods". (Laporan Penelitian pada Programme Endangered, British Library, London).
- M. Yusuf (Penyunting). 2006. *Katalogus Manuskrip dan Skriptorium Minangkabau*. Tokyo : Centre for Documentation and Area-Transcultural Studies, Tokyo University of Foreign Studies.
- Nawangningrum, Dina, dkk. 2004. "Kajian Terhadap Naskhah Kuna Nusantara Koleksi Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia: Penyakit Dan Pengobatan Ramuan Tradisional". *Artikel dalam Jurnal MAKARA Sosial Humaniora, Vol. 8, NO. 2, Agustus 2004: 45-53*.
- Oman Fathurahman. 2008. *Tarekat Syattariyah di Minangkabau: Teks dan Konteks*. Jakarta : EFEO dan Prenada Media Group, bekerja sama dengan PPIM UIN Jakarta, KITLV Jakarta, and Total Indonésie
- Oman Fathurahman. 2005. Naskhah dan Rekonstruksi Sejarah Lokal Islam, Contoh Kasus dari Minangkabau. *Wacana*. 7 (2): 141-148).

- Pramono dan Bahren. 2009. "Kepemimpinan Islam di Kalangan Kaum Tua dalam Naskhah-naskhah Tarekat Syattariyah di Minangkabau" *Jurnal Lektur Keagamaan* Vol. 7 No. 1, hlm. 91-108.
- Pramono. 2015. *Naskhah Riwayat Hidup Abdul Manaf: Pengantar dan Suntingan Teks*. Padang : SURI.
- Pramono. 2008a. "Puasa Melihat Bulan versus Puasa Melihat Dinding: Telaah Teks dan Konteks Naskhah Kitab Al-Takwim Walsiyam. *Jurnal Ilmu Budaya Fakultas Ilmu Budaya Universiti Lancang Kuning Pekanbaru* Vol. 5 No. 1, halaman 23-34.
- Pramono. 2008b. "Menulis Untuk Mendebat: Telaah Teks dan Konteks Naskhah Risalah Mizan al-Qalb untuk Bahan Pertimbangan bagi Kaum Muslimin Buat Beramal Ibadah Kepada Allah Karya Imam Maulana Abdul Manaf Amin al-Khatib" *WACANA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya Universitas Bengkulu*.
- Pramono. 2009a. "Surau dan Tradisi Pernaskhahan Islam di Minangkabau: Studi Atas Dinamika Pernaskhahan di Surau-surau di Padang dan Padang Pariaman". *Jurnal Studi Islamika HUNAFU* Vol. 6 No. 3, halaman 265-290.
- Pramono. 2009b. "Tradisi Intelektual Keislaman Minangkabau: Kajian Teks dan Konteks Naskhah-naskhah Karya Imam Maulana Abdul Manaf Amin Al-Khatib" *Jurnal TABUAH Ta'limat Budaya, Agama dan Humaniora* Vol. XIV No. 1 Hlm. 1-24.
- Usman, Fajri. 2005. "Metafora dalam Mantera Minangkabau". *Tesis*. Denpasar : Program Pascasarjana Universitas Udayana.
- Wirma Andri. 2012. "Pengubatan Tradisional dalam Naskhah Kuno Koleksi Surau Tarekat Syattariyah di Pariangan: Transliterasi dan Analisis Etnomedisin". *Skripsi*. Padang : Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas.
- Yusuf, M. (Penyunting). 2006. *Katalogus Manuskrip dan Skriptorium Minangkabau*. Tokyo : Centre for Documentation and Area-Transcultural Studies, Tokyo University of Foreign Studies.
- Zuriati. 2008. "The Digitisation of Minangkabau's Manuscript Collections in Suraus". (Laporan Penelitian pada Programme Endangered, British Library, London).